

08/09/1997

Mahathir `tangkap' menteri

SEORANG menteri "ditangkap" bukan oleh polis atau pegawai penguatkuasa Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) tetapi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri kerana membuang puntung rokok dalam pasu bunga pada Perhimpunan Agung Umno di sini.

Sungguhpun, hampir setiap penjuru dan dinding di bangunan PWTC terpampang papan tanda "Jangan Merokok" tetapi masih terdapat ramai tidak mengendahkan larangan itu.

Menteri itu, yang merokok di kawasan luar dari ruang larangan merokok semalam, "ditangkap" oleh Perdana Menteri ketika membuang puntung rokok dalam sebuah pasu bunga di hadapan ruang rehat bagi orang kenamaan.

Insiden itu diceritakan sendiri oleh seorang pegawai tertinggi Putrade Sdn Bhd.

Beliau mendedahkan insiden itu apabila ditanya mengenai perasaannya mengenai arahan larangan merokok tidak dipatuhi oleh ramai perwakilan, pemerhati, orang ramai dan juga wartawan sepanjang perhimpunan agung empat hari ini yang masuk hari terkahir semalam.

(END)